

## **Sukarelawan UMP curah bakti dalam Misi Infaq Kemboja**



Kemboja, 18 Jun- Sukarelawan Universiti Malaysia Pahang (UMP) melibatkan seramai 10 mahasiswa UMP bersama dua pegawai universiti membantu masyarakat Kampung Cham dan Kampung An Crait Kemboja dalam menjayakan Misi Infaq Kemboja anjuran Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni dengan kerjasama Pejabat Naib Canselor bagi menjalankan aktiviti kemasyarakatan di sana.

Program adalah sebahagian daripada Misi Kemanusiaan UMP Kemboja siri VI ini adalah kesinambungan daripada misi UMP yang dilaksanakan dalam membantu umat Islam Kemboja agar dapat meringankan beban kehidupan dan taraf pendidikan masyarakat di kampung tersebut.

Kunjungan mahasiswa pada kali ini memberi peluang mereka bertemu dengan komuniti dengan bergotong-royong memasak makanan untuk dinikmati bersama masyarakat di Kampung Cham selain mengadakan program motivasi dan rekacipta dengan anak-anak di Sekolah Islam Dubai.



Pengarah program, Nur Ayuni Hasna Said berkata, sepanjang perjalanan sejauh sembilan kilometer dari bandar Phnom Penh menyaksikan sendiri kepayaan yang dialami penduduk di yang masih banyak ketinggalan berbanding kemudahan yang terdapat di Malaysia. Program ini adalah sebagai tanda prihatin warga UMP terhadap kedaifan dan keadaan hidup serba kekurangan umat Islam di Kemboja.

"Ketibaan sukarelawan UMP ini disambut dengan meriah dalam kalangan penduduk kampung. Program motivasi yang berbentuk rekacipta dan inovasi ini telah melibatkan seramai lebih 20 orang pelajar dalam kalangan pelajar Sekolah Islam Dubai. Aktiviti ini telah disambut baik oleh tenaga pengajar di sekolah berkenaan dan dengan adanya aktiviti ini, secara tidak langsung kreativiti pelajar dapat digilap," katanya.



Dalam pada itu, mahasiswa juga mengadakan program bersama komuniti di Kampung An Crait dengan mengecat dan mengindahkan pagar Sekolah Islam Jrai Andrait. Manakala program motivasi dan pendidikan diajar dalam meningkatkan kecekapan dalam mengira sama ada darab mahupun nilai tambah. Program yang melibatkan lebih 100 orang anak kampung An Crait ini mendapat sambutan yang hebat dari penduduk kampung disini. Mereka turut menyampaikan sumbangan keperluan harian yang diberikan kepada golongan yang tidak berkemampuan.

**Disediakan Bahagian Komunikasi Korporat PNC**

Posted By : NUR LAILA BINTI AFANDI Date Posted : 01-08-2017, 15:17:50